

07 AUG 1996
Mahathir-Tabung
MAHATHIR LANCAR TABUNG AMANAH BAKUN

SIBU, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melancarkan Tabung Amanah Bakun bagi membantu para penduduk yang terbabit di dalam perpindahan Projek Hidro-Elektrik Bakun agar turut menikmati hasil pembangunan di kawasan itu.

Sebaik dilancarkan, tabung itu menerima sumbangan RM15 juta daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak dan Bakun Hydro Electric Corporation (BHEC) yang menguruskan projek bernilai RM13.5 bilion itu. Setiap pihak menyumbangkan RM5 juta.

Sumbangan Kerajaan Persekutuan disampaikan oleh Perdana Menteri, Kerajaan Negeri Sarawak diwakili Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud manakala BHEC diwakili pengarahnya Tan Sri Bujang Mohd Noor.

Sumbangan itu disampaikan kepada wakil tabung itu, Datuk Nyipa Bato, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Belaga, tempat projek itu dilaksanakan.

Antara lain, tabung itu, yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak Datuk Taha Ariffin, ditubuhkan bagi memberi pendidikan serta modal permulaan kepada kira-kira 9,500 orang penduduk yang terlibat untuk memulakan perniagaan di kawasan itu.

Anggota pengelola tabung itu ialah Menteri Muda Pelancongan Sarawak Dr James Jemut Masing, anggota Parlimen Kawasan Hulu Rejang Billy Abit Joo dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial Negeri Dr Hatta Solhee.

Ketika melancarkan tabung itu, Dr Mahathir berkata, penubuhannya merupakan yang pertama dilakukan di dunia untuk membantu penduduk yang terbabit di dalam sesuatu projek hidro-elektrik.

Perdana Menteri berkata, negara lain yang melaksanakan projek seperti itu tidak melancarkan tabung seperti ini, sekaligus menunjukkan kerajaan sangat mengambil berat mengenai kebajikan rakyatnya.

"Kita masih memikirkan masalah yang dihadapi penduduk Bakun dan dengan itu telah membuat keputusan untuk menubuhkan Tabung Amanah Bakun bagi membantu mereka yang mahukan pembangunan," katanya.

Dr Mahathir berkata, semua wakil rakyat yang mendapat sokongan rakyat di negeri ini menyokong pelaksanaan projek itu walaupun ada pihak dari luar yang tidak mendapat sokongan rakyat negara ini menentang projek itu.

Orang asing yang menentang projek itu berbuat demikian kerana mementingkan kebajikan mereka sendiri, katanya.

Dengan adanya Projek Hidro-Elektrik Bakun itu kelak, kejadian bergelap yang berlaku di seluruh Semenanjung Malaysia pada 3 Ogos lepas tidak akan berlaku lagi, katanya.

Beliau berkata Tenaga Nasional Berhad telah menjelaskan bahawa perkara itu berlaku kerana negara ini bergantung hampir 60 peratus tenaganya daripada penjanaaan gas.

-- BERNAMA
AHM AKD